



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
**DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA**  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Aras 12, Blok E7, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62590 PUTRAJAYA



Tel. : 03-8883 2545  
Faks : 03-8889 5542  
Web : anhisam@moh.gov.my

KKM.600-29/4/120(12)

29 Januari 2016

## SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/Dato'/Datu/Tuan/Puan,

### **SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA BIL 9/2015**

#### **PELAKSANAAN UJIAN SARINGAN HIV DI KLINIK 1 MALAYSIA (K1M) DAN DI URBAN TRANSFORMATION CENTER (UTC)**

#### 1. TUJUAN

Memaklumkan pelaksanaan ujian saringan HIV di Klinik 1 Malaysia (K1M) dan *Urban Transformation Center* (UTC) sebagai aktiviti saringan yang perlu dilakukan oleh anggota paramedik (Penolong Pegawai Perubatan atau Jururawat Kesihatan) yang terlatih atau Pegawai Perubatan yang bertugas di fasiliti ini, di seluruh Malaysia.

#### 2. LATAR BELAKANG

Aktiviti saringan HIV telah dimulakan pada tahun 1985 iaitu selepas kes pertama AIDS dikesan di dunia. Buat masa ini pelbagai program saringan sedang dilaksanakan bagi pengesanan awal jangkitan HIV. Ini membolehkan tindakan rawatan *Anti-retroviral* (ARV), penjagaan dan sokongan dapat diberikan lebih awal kepada pembawa virus ini dan seterusnya menyekat penularan penyakit kepada masyarakat. Ia seiring dengan saranan WHO, "*Screening is the first step to HIV prevention and critical linkage for ARV treatment*".

Bagi memastikan akses / kemudahan pencapaian aktiviti ujian saringan HIV ini kepada semua lapisan masyarakat termasuk kumpulan berisiko tinggi, ianya akan diperluaskan ke K1M dan UTC memandangkan waktu operasi klinik yang lebih bersesuaian (10 pagi – 10 malam), kedudukannya yang lebih dekat dengan masyarakat, mempunyai anggota kesihatan terlatih yang boleh melaksanakan tugas ini (seperti di dalam Pekeliling KPK 1/2011- Algorithm Saringan HIV) dan aktiviti saringan ini adalah selari dengan dasar K1M dan UTC. Kesesuaian K1M dan UTC sebagai pusat saringan tambahan telahpun dirintis di enam (6) K1M dan dua (2) UTC di empat (4) buah negeri dan mendapati ia boleh diperluaskan.

Program ini diharap dapat menamatkan isu kemudahan (*accessibility*) bagi mendapatkan ujian saringan HIV di samping mengurangkan kesesakan di klinik-klinik kesihatan.

### 3. KUMPULAN SASARAN

Kumpulan sasar adalah orang ramai yang memerlukan khidmat ujian saringan HIV termasuk:

- 3.1 Bakal pengantin
- 3.2 Kes suspek bagi penyakit kelamin
- 3.3 Kes suspek bagi penyakit Tibi
- 3.4 Pasangan kes dijangkiti HIV (Kes kontak)
- 3.5 Orang yang berisiko (termasuk pelacur, homoseksual atau lesbian, transgender dan penagih dadah secara suntikan) dan memerlukan ujian saringan HIV

### 4. TATACARA PELAKSANAAN

Ujian saringan HIV ini dijalankan oleh Pegawai Perubatan atau anggota paramedik (Penolong Pegawai Perubatan atau Jururawat Kesihatan) yang bertugas di mana-mana K1M dan UTC **yang telah dilatih** (latihan kaunseling asas dan kaedah penggunaan *Rapid Test Kit* (RTK)).

## **4.1 Kaedah Pelaksanaan**

Kaedah pelaksanaan ujian saringan HIV adalah seperti berikut:

- a. Klien perlu melalui proses pendaftaran di klinik.
- b. Anggota kesihatan perlu membuat penilaian risiko klien.
- c. Klien diberi penerangan mengenai HIV, ujian saringan HIV dan keputusan ujian saringan: apa yang perlu dilakukan oleh klien sekiranya keputusan reaktif atau tidak reaktif tetapi berisiko atau tidak reaktif dan tidak berisiko.
- d. Ujian saringan adalah menggunakan RTK. Pegawai Perubatan atau anggota paramedik (Penolong Pegawai Perubatan atau Jururawat Kesihatan) perlu mencatatkan maklumat mengenai RTK yang digunakan. Pastikan RTK yang digunakan adalah yang telah sedia ada di klinik dan tidak luput tarikh.
- e. Menjalankan ujian saringan sepertimana yang tertera pada arahan RTK tersebut (juga rujuk Pekeliling KPK 1/2011-Algorithm dan Garis Panduan Saringan HIV di Klinik 1 Malaysia).
- f. Memberi keputusan ujian saringan kepada klien.

### **4.1.1 Bagi K1M dan UTC yang mempunyai Pegawai Perubatan:**

- a. Jika ujian didapati reaktif, klien akan diberi nasihat dan dirujuk oleh anggota paramedik (Penolong Pegawai Perubatan atau Jururawat Kesihatan) kepada Pegawai Perubatan di K1M. Klien seterusnya akan dirujuk ke Klinik Kesihatan yang berdekatan untuk ujian pengesahan dan tindaksusul.
- b. Jika keputusan adalah tidak reaktif tetapi klien berisiko, temujanji selepas 3 bulan akan diberikan untuk ujian saringan ulangan dan nasihat cara hidup sihat akan diberikan.
- c. Jika keputusan adalah tidak reaktif dan klien tidak berisiko, klien akan diberikan temujanji selepas 6 bulan untuk ujian saringan ulangan. Klien juga dinasihatkan agar meneruskan cara hidup sihat.

#### **4.1.2 Bagi K1M dan UTC yang tidak mempunyai Pegawai Perubatan:**

- a. Jika ujian didapati reaktif, klien diberi nasihat dan dirujuk kepada Pegawai Perubatan di Klinik Kesihatan yang berdekatan untuk ujian pengesahan dan tindaksusul.
- b. Jika keputusan adalah tidak reaktif tetapi klien berisiko, nasihat cara hidup sihat dan temujanji selepas 3 bulan akan diberikan untuk ujian saringan ulangan.
- c. Jika keputusan adalah tidak reaktif dan klien tidak berisiko, klien akan diberikan temujanji selepas 6 bulan untuk ujian saringan ulangan. Klien juga dinasihatkan agar meneruskan cara hidup sihat.

#### **4.2 Rekod / Reten**

Bagi memantau keberkesanan dan pelaksanaan aktiviti ini, anggota paramedik perlu mengisi borong-borong reten berkaitan ujian saringan HIV sebagaimana reten yang sedia di klinik-klinik kesihatan. Reten yang telah diisi perlu dihantar secara bulanan kepada pegawai yang bertanggung-jawab kepada reten HIV di klinik kesihatan berdekatan. Reten-reten tersebut adalah seperti yang tersenarai di bawah:

- a. HIV/ TB 1/ 2008
- b. HIV AVT 1/ 2008
- c. FMS/HIV/1/07 Pind 1/2008
- d. MSA STI Form /2012
- e. PPHIV/ KKM/ 2012

Pegawai AIDS Negeri perlu memastikan reten-reten berkaitan boleh didapati di K1M dan di UTC.

#### **5. TANGGUNGJAWAB**

- 5.1 Semua Pengarah Kesihatan Negeri (PKN) adalah bertanggungjawab untuk memastikan Surat Pekeliling ini diedarkan kepada semua Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri, Pegawai AIDS Negeri, Pegawai Pembangunan Kesihatan Keluarga Negeri, Pegawai Kesihatan Daerah, K1M dan UTC

seluruh negeri. PKN bertanggungjawab untuk memastikan arahan ini dilaksanakan di K1M dan UTC secara berperingkat mengikut kesesuaian.

- 5.2 Pegawai Kesihatan Daerah adalah bertanggungjawab memastikan arahan ini diikuti dan digunakan bagi tujuan saringan HIV di K1M dan UTC.
- 5.3 Pegawai AIDS Negeri adalah bertanggungjawab untuk memastikan pelaksanaan mengikut tatacara yang ditetapkan serta memastikan reten ujian saringan seperti dinyatakan di atas dimasukkan ke dalam reten bulanan daerah yang terbabit.

## 6. **TARIKH BERKUATKUASA**

Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta bagi K1M dan UTC mulai tarikh surat pekeliling ini.

## 7. **PERTANYAAN**

Sebarang pertanyaan boleh diajukan kepada:  
Pengarah Kawalan Penyakit  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Aras 4, Blok E10, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62590 Putrajaya


Tel: 03 88834262

Faks: 03 88834285

Sekian, terima kasih

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Yang ikhlas,



**(DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH)**

Ketua Pengarah Kesihatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia.

sk Pengarah Kawalan Penyakit  
Pengarah Pembangunan Kesihatan Keluarga

## **SENARAI EDARAN**

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor  
Tingkat 9, 10 & 11 Wisma Sunwaymas  
Lot 1 Jalan Persiaran Kayangan  
40100 Shah Alam, Selangor.

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Perak  
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab  
30590 Ipoh, Perak.

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak  
Jalan Diplomatik, Off Jalan Bako,  
93050 Kuching, Sarawak.

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Johor  
Tingkat 4, Blok B, Wisma Persekutuan  
Jalan Air Molek,  
80590 Johor Bahru, Johor.

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang  
Tingkat 37, Komtar  
10590 Pulau Pinang.

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang  
Jalan IM4, Bandar Indera Mahkota,  
25582 Kuantan, Pahang.

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah  
Tingkat 3, Rumah Persekutuan  
Jalan Mat Salleh,  
88590 Kota Kinabalu, Sabah.

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan  
Tingkat 5, Wisma Persekutuan  
Jalan Bayam  
15590 Kota Bharu, Kelantan.

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan WP Kuala Lumpur & Putrajaya  
Jalan Cenderasari  
50490 Kuala Lumpur.

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah  
Simpang Kuala,  
Jalan Kuala Kedah,  
05400 Alor Star, Kedah.

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu  
Tingkat 5, Wisma Persekutuan  
Jalan Sultan Ismail  
29200 Kuala Terengganu, Terengganu.

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan  
Jalan Rasah  
70300 Seremban, Negeri Sembilan.

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka  
Tingkat 3, 4 & 5, Wisma Persekutuan  
Jalan Business City, Bandar MITC,  
75450 Ayer Keroh, Melaka.

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis  
Jalan Raja Syed Alwi,  
01000 Kangar, Perlis.